

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO  
(PUCHONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.10.2015**

**Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah sistem LRT di Puchong akan disiapkan dan apakah tambang yang akan dikenakan untuk kegunaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), Prasarana Malaysia Bhd sedang giat melaksanakan Projek Sambungan Jajaran LRT bagi Laluan

Ampang di mana jajaran berkenaan sepanjang 18.1 kilometer dengan 11 buah stesen akan turut melalui kawasan Puchong. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2016. Bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengguna, fasa pertama jajaran berkenaan akan mula beroperasi pada penghujung Oktober 2015 dan empat buah stesen akan mula beroperasi iaitu Stesen Awan Besar, Stesen Muhibbah, Stesen Alam Sutera dan Stesen Kinrara BK5.

Manakala kadar tambang yang akan dikenakan sedang diteliti oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat.